



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعۃ انسانیت
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS RAMAH MESRA DAN TAKLIMAT WARIS
PENDAFTARAN PELAJAR BARU ASASI APRIL 2017**

Ucapan Rektor sempena Majlis Ramah Mesra dan Taklimat Waris
Pendaftaran Pelajar Baru Asasi April 2017

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه
أجمعين

Terima kasih saudara pengacara majlis

Yang berusaha, Prof. Madya Dr. Abdullah Osman; Timbalan Rektor
al Ehwal Akademik, dan Penyelidikan.

Yang Bhg. Dato' Hj Bukhari Abdullah; Timbalan Rektor Pengurusan,
Kewangan dan Hal Ewal Pelajar.

Pn Hadijah bt Johari; Pengarah Pusat Pengajian Asasi

Para pensyarah, ahli-ahli akademik, seterusnya para waris pelajar-
pelajar baru Asasi sekalian.

Alhamdulillah dengan limpah keizinan daripada Allah s.w.t.
dapat kita bertemu pada pagi ini sempena pendaftaran pelajar baru
Pusat Pengajian Asasi, Kolej Universiti INSANIAH.

Selamat datang ke Kolej Universiti Insaniah diucapkan kepda
tuan-tuan dan puan-puan juga kepada anak-anak pelajar yang baru
mendaftar pada hari ini. Terima kasih kerana telah memilih Kolej

Universiti INSANIAH untuk meneruskan pengajian peringkat tinggi setelah cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia yang diumumkan baru-baru ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kolej Universiti INSANIAH merupakan sebuah kolej milik penuh kerajaan negeri Kedah Darul Aman yang ditubuhkan sejak 1995 untuk memberi pendidikan tinggi dalam bidang pengajian Islam dalam tiga bidang utama iaitu Usuluddin, Syariah dan Bahasa Arab berpandukan sukatan pelajaran Universiti al-Azhar Mesir. Pada awalnya pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian diploma selama tiga tahun di INSANIAH akan menyambung pengajian di Universiti al-Azhar selama setahun dan mendapat ijazah sarjana muda daripada Universiti al-Azhar.

Kini, setelah dua dekad bergerak di persada pendidikan tinggi utara tanahair, INSANIAH menawarkan lebih daripada 35 program pengajian bermula dari peringkat asasi hingga ke ijazah kedoktoran (PhD) dalam pelbagai bidang, bukan sekadar pengajian Islam bahkan bidang-bidang lain seperti pengurusan, perakaunan, hospitality, teknologi maklumat dan sebagainya dan berjaya melahirkan lebih daripada 10 000 graduan yang bukan setakat menguasai bidang masing-masing bahkan memiliki asas pengetahuan Islam bahasa Arab dan hafazan al-Quran yang diterapkan sama ada dalam kurikulum dan juga ko-kurikulum.

Tuan-tuan dan puan-puan para waris juga anak-anak sekalian

Selain cemerlang dalam bidang akademik, INSANIAH juga berjaya menempatkan nama dalam bidang ko-kurikulum. Mahasiswa INSANIAH bukan sekadar terlibat dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan malahan menang di pelbagai peringkat; antara ipt-ipt Islam, ipt-ipt swasta bahkan hingga ke peringkat antarabangsa.

Kecemerlangan sahsiah juga merupakan satu aspek penting yang ditekankan kepada semua pelajar. Pelbagai aktiviti telah diatur bagi memastikan para pelajar tidak semata-mata mengejar kecemerlangan akademik bahkan dihiasi keperibadian dan sahsiah yang terpuji.

Kerajaan negeri selaku pemilik Kolej Universiti INSANIAH sentiasa memberi perhatian sepenuhnya untuk memajukan kolej ini. Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sebagai canselor dan juga keprihatinan baginda terhadap kemajuan kolej ini memastikan kemajuan kolej ini. Baginda telah menitahkan dalam Istiadat Konvokesyen ke-18 yang lalu agar INSANIAH dinaik taraf sebagai university penuh dan ini merupakan tugas utama kami para warga akademik dan pengurusan untuk merealisasikan hasrat baginda tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan

Bermula sesi ini, April 2017, kerajaan negeri telah bersetuju mewujudkan satu skim yang dinamakan Derma Siswa Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar asasi warganegara Malaysia tanpa mengira negeri menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap pendidikan tinggi dan juga sebagai satu khidmat social INSANIAH kepada komuniti. Skim ini menawarkan pengajian asasi percuma dengan syarat menyambung pengajian peringkat ijazah di Kolej Universiti INSANIAH.

Justeru, saya mengucapkan syabas kepada anak-anak tuan-tuan dan puan yang telah memilih Pusat Pengajian Asasi Kolej Universiti INSANIAH dan juga skim derma siswa ini kerana anda telah membuat pilihan yang tepat untuk terus menimba ilmu dan pengetahuan d peringkat pengajian tinggi.

Sekali lagi terima kasih diucapkan kepada semua yang memilih Kolej Universiti INSANIAH dan saya selaku rector mewakili warga INSANIAH berjanji tidak akan mensia-siakan harapan tuan-tuan dan puan-puan untuk melihat anak-anak ini berjaya dan cemerlang dalam bidang akademik, ko-kurikulum dan juga sahsiah diri.

Sekian, terima kasih.